Total export earnings from Malaysian timber products in 2012 decreased by 0.5% to RM19.90 billion as compared to 2010 (RM20.0 billion). This accounted for 2.8% of the total gross export earnings at f.o.b RM702.18 billion.

For Peninsular Malaysia, export of timber products excluded carpentry & joinery product amounted to RM3.10 billion, a decrease of 25.3% as compared to RM4.15 billion in 2011.

Forest Revenue Collection To The State Government

Forest revenues are derived from royalty, premium, cess, forest offence compound, compensation and other charges/fee. The forest revenue contributed RM431 million to the state coffers in 2012.

Employment In The Forestry Sector

In 2012, the forestry sector in Peninsular Malaysia provided direct employment to 37,443 persons in the various industries as stipulated below. This registered an overall increase of 0.8% as compared to 37,128 persons in 2011.

Gunatenaga Secara Langsung Dalam Sektor Perhutanan di Semenanjung Malaysia
Total Direct Employment in the Forestry Sector in Peninsular Malaysia

Industry/ *Industry*	2012	2011	Perubahan Tahunan / *Annual Change* 2012/2011 (%)
Pengusahasilan Hutan *Forest Harvesting*	6,242	5,997	4.1
Kilang Papan *Sawmill*	17,457	17,796	-1.9
Papan Lapis/ Venir *Plywood/ Veneer*	4,534	4,271	6.1
Kayu Kumai *Moulding*	3,846	3,762	2.2
Penjawat Awam *Public Service*	5,364	5,302	1.2
JUMLAH / ***TOTAL***	**37,443**	**37,128**	**0.8**

Jumlah Pelaburan

Jumlah pelaburan dalam industri kayu gergaji, papan lapis dan kayu kumai di Semenanjung Malaysia berdasarkan nilai harta tetap pada tahun 2012 adalah RM2.43 billion. Ia mencatatkan pengurangan sebanyak 5.1% daripada tahun 2011 (RM2.56 billion)

Total Investment

The total investment in the sawmill, plywood and moulding industries in Peninsular Malaysia in terms of fixed assets amounted to RM2.43 billion in 2012. It recorded an decrease of 5.1% from 2011 (RM2.56 billion)

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Seramai 3,771 staf JPSM telah mendapat manfaat dari pelbagai aktiviti latihan yang meliputi pelbagai bidang seperti kenegaraan, teknikal, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, teknologi maklumat dan kaunseling/ psikologi di sepanjang tahun 2012. Ini melibatkan kehadiran staf di dalam 379 kursus dalam dan luar negara seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Selain daripada itu, seramai 72 pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2011/2012 dan 25 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi sesi 2010/2012 di Institut Latihan Perhutanan, Kepong (FORTRAIN) telah menamatkan latihan mereka pada tahun 2012. Manakala seramai 34 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi sesi 2011/2013 dan 74 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2011/2012 masih menjalani latihan.

HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

A total of 3,771 staff of FDPM had benefited from the various training activities comprising various fields such as nationhood, technical, human resource management, financial management, information technology and counseling/ psychology conducted throughout 2012. This involved the attendance in 379 courses by the staff both at local and international levels as shown in the table below.

In addition, a total of 72 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for the 2011/2012 Session and 25 trainees of the Forestry Ranger Certificate Course for the 2010/2012 have completed their training at the Forestry Training Institute, Kepong (FORTRAIN) in 2012. Meanwhile, 34 trainees of the Forestry Ranger Certificate Course for the 2011/2013 session and 74 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for the 2011/2012 session are still in training.

Program Latihan 2012
Training Programme 2012

Kategori/ *Category*	Dalam Negeri/ *Local*	Luar Negara/ *International*
Kursus/ Lawatan Belajar/ *Course /Study Tour*	138	7
Bengkel/ Seminar/ *Workshop/Seminar*	152	24
Persidangan/ *Conference*	6	6
Taklimat/ Mesyuarat/ *Briefing/ Meeting*	11	15
Ekspedisi/ *Expedition*	1	-
Simposium/ Forum/ Kongres/ *Symposium/ Forum/ Congress*	7	-
Dialog/ Kolokium/ Syarahan Am/ *Dialogue/ Colloqium/ Public Lecture*	12	-



Osmoxylum lineare





Artikel

Articles

• ARTIKEL 1 •

Sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke-41 Peringkat Kebangsaan Tahun 2012

The 41st National Level World Forestry Day Celebration 2012

Majlis sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke-41 Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 telah diadakan di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak pada 21 Mac 2012. Tema 'Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat' terus dikekalkan dalam usaha meningkatkan kepekaan masyarakat terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah hutan negara serta sumbangan hutan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak yang diiringi oleh YBhg. Datuk Dr. Che Ab. Rahim bin Hj. Nik, Timbalan Ketua Setiausaha II yang mewakili Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE) dan YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang ini terletak di dalam kawasan Hutan Paya Laut Larut Matang, Kuala Sepetang, Perak. Kawasan hutan paya laut ini adalah seluas 40,537.6 hektar, merangkumi 40% daripada keseluruhan kawasan hutan paya laut di Semenanjung

The 41st National Level World Forestry Day Celebration 2012 was held at the Matang Mangrove Forest Eco-Education Centre, Kuala Sepetang, Perak on 21 March, 2012. The theme "Forests for Community Livelihood" was retained as one of the efforts to increase community awareness in preserving and conserving the nation's forest heritage and the contribution of forest to the socioeconomic development of the local community. The event was officiated by YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Perak Chief Minister accompanied by YBhg. Datuk Dr. Che Ab. Rahim bin Hj. Nik, Deputy Secretary General II representing the Minister of Natural Resources and Environment Malaysia (NRE) and YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Director-General of Forestry Peninsular Malaysia.

The Matang Mangrove Forest Eco-Education Centre is located in the vicinity of the Larut Matang Mangrove Forest, Kuala Sepetang, Perak. With an area of 40,537.6 hectares, this mangrove forest constituted 40% of the total mangrove forest area in Peninsular Malaysia. The management of this mangrove forest was acknowledged



YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Menteri Besar Perak sedang menanam pokok yang ke-24 juta pokok bersama-sama dengan dif-dif terhormat yang lain
YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Perak Chief Minister planting the 24th million tree with other dignitaries



Tapak Kawasan Penanaman Pokok Sempena Sambutan HPS Ke-41 di Pusat Eko Pelajaran Hutan Paya Laut Matang
The tree planting site in conjunction with the 41st HPS Celebration at the Matang Mangrove Forest Eco-Education Centre



Pelancaran Buku Herba Negeri Perak oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak
The official launching of the Book on Herbs by the YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Perak Chief Minister

Malaysia. Pengurusan kawasan hutan paya laut ini telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kayu-Kayan Tropika Antarabangsa (ITTO) dalam "International Conference on Sustainable Management of Tropical Forests-Private Sector Experiences" pada tahun 2004 sebagai model pengurusan hutan paya laut secara berkekalan untuk dicontohi oleh negara-negara lain. Pemilihan kawasan ini sebagai tapak sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke-41 Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 adalah bertepatan dengan tema sambutan yang menekankan peranan hutan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat.

Majlis ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penglibatan jabatan/ agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, sekolah dan komuniti setempat. Majlis dimulakan dengan persembahan nyanyian lagu Negaraku dan Warisan Hijau oleh koir Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Majlis turut dimeriahkan dengan pelancaran buku herba yang bertajuk "Khazanah Herba Negeri Perak" dan persembahan drama Muzikal Paya Bakau oleh pelajar Sekolah Kebangsaan Sungai Raya, Ipoh, Perak. Di samping itu, pameran-pameran oleh jabatan di bawah NRE dan badan bukan kerajaan dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar turut diadakan. Kemuncak Majlis Sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke-41 Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 ini adalah upacara penanaman pokok Merbau Ipil *(Intsia bijuga)* oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak. Penanaman pokok ini merupakan pokok yang ke-24 juta ditanam di bawah Kempen Menanam 26 Juta Pokok peringkat kebangsaan. Pelajar-pelajar sekolah turut mengambil bahagian dengan menanam sebanyak 200 pokok.

by the International Tropical Timber Organisation (ITTO) for being a role model in sustainable mangrove forest management that should be emulated by other countries. ITTO acknowledgement came during the "International Conference on Sustainable Management of Tropical Forests-Private Sector Experiences" in 2004. This site was chosen as the venue for the 41st National Level World Forestry Day Celebration Year 2012 to emphasise the importance of forests in the socioeconomic development of the local community.



YBhg Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd Rahim, KPPSM turut serta menanam pokok daripada spesies paya laut
YBhg Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd Rahim, DGFPM participated in the tree planting activity from the mangrove species

The event was well celebrated by the participations from the various departments/ government agencies, non-



Upacara menyampaikan pokok Merbau ipil *(Intsia bijuga)* sebagai tanda pokok yang ke-24 juta kepada YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir
Merbau ipil (Intsia bijuga) tree was presented as a momento symbolising the 24th million tree to YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir



Persembahan Istimewa oleh murid-murid sekolah
Special performance by the school students

Serentak dengan sambutan ini, JPSM dengan kerjasama pihak *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization - International Hydrological Programme* (UNESCO-IHP) juga telah menjadi tuan rumah bagi Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 yang berlangsung pada 20 hingga 24 Mac 2012. Kem ini melibatkan penyertaan 100 orang pelajar sekolah menengah daripada seluruh Semenanjung Malaysia. Kem ini merupakan satu platform untuk melahirkan pelapis pemimpin muda yang lebih prihatin terhadap isu-isu berkaitan alam sekitar. Program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bersempena dengan sambutan Hari Perhutanan Sedunia ini telah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan hutan di dalam kesejahteraan hidup masyarakat setempat.

government organisations, schools and local communities. The celebration began with the singing of the national anthem "Negaraku" and the song "Warisan Hijau" by the choir of the Perak State Forestry Department. The event was further celebrated with the launching of the book on herbs, "Khazanah Herba Negeri Perak" followed by a Mangrove Musical by the students of Sekolah Kebangsaan Sungai Raya, Ipoh, Perak. Other activities include various exhibitions on the aspect of conservation and preservation of the environment by the departments under NRE and non-government organisations. The highlight of the 41st National Level World Forestry Day Celebration 2012 was the planting of the Merbau Ipil (Intsia bijuga) tree by YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, the Perak Chief Minister. This particular tree is the 24th million tree planted under The Planting of 26 Million Trees Campaign at the national level. During the event, the participating students also planted 200 trees.

In accordance with the celebration, FDPM with collaboration with United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization - International Hydrological Programme (UNESCO-IHP) also became the host for the National Water Watch Camp for Young Leaders Year 2012 held from 20 to 24 March 2012. About 100 secondary students from all over Peninsular Malaysia participated in this event. The camp acts as a platform to generate new batches of leaders who will be more aware of issues related to the environment. The various programmes and activities held during this World Forestry Day had successfully increased the awareness of the local communities on the importance of forests in their livelihood.

• ARTIKEL 2 •

Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Tebu, Terengganu

Scientific Expedition of Forest Biological Diversity of Gunung Tebu, Terengganu

Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Tebu, Terengganu merupakan siri ekspedisi yang ke-24 anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sejak tahun 1999. Sehingga tahun 2012, sebanyak tujuh (7) ekspedisi telah dijalankan bagi hutan dipterokarp bukit, sebelas (11) ekspedisi di hutan dipterokarp pamah, dua (2) di hutan pesisir pantai, tiga (3) di hutan pergunungan dan satu (1) di hutan paya laut. Manakala bagi negeri Terengganu, ekspedisi ini merupakan siri ketiga selepas Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Gunung Mandi Angin dan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Rimba Bukit Bauk masing-masing pada tahun 2004 dan 2006.

Kawasan Gunung Tebu yang terletak dalam Hutan Simpan Gunung Tebu telah dipilih sebagai tapak ekspedisi saintifik bagi mengeksplorasi keunikan dan keistimewaan kepelbagaian flora dan fauna yang terdapat di kawasan-kawasan hutan pergunungan. Di antara tujuan ekspedisi ini adalah untuk menggunakan hasil-hasil penemuan ekspedisi ke arah pertambahan tarikan eko-pelancongan kawasan setempat dan mendokumentasikan hasil-hasil eksplorasi.

Ekspedisi yang telah diadakan pada 8 hingga 13 Julai 2012 ini melibatkan seramai 145 peserta yang terdiri daripada para saintis, penyelidik dan pegawai serta kakitangan daripada:

- Kerajaan Negeri Terengganu;
- Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM);
- Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri;
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- Universiti Putra Malaysia (UPM);
- Universiti Malaya (UM);
- Universiti Sains Malaysia (USM);
- Universiti Teknologi MARA (UiTM);
- Universiti Malaysia Terengganu (UMT);
- Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA);
- Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya;
- Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM);
- Institut Penyelidikan Perubatan (IMR);
- Tabung Alam Malaysia (WWF); dan

The Scientific Expedition of Forest Biological Diversity of Gunung Tebu, Terengganu was the 24th expedition from a series of expedition organised by the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) since 1999. Until 2012, a total of seven (7) expeditions were conducted in hill dipterocarp forest, eleven (11) expeditions in lowland dipterocarp forest, two (2) in coastal forest, three (3) in mountain forest and one (1) in mangrove forest. This is the third series of expedition held in Terengganu following the Scientific Expedition of Forest Biological Diversity of Gunung Mandi Angin Forest Reserve and Scientific Expedition of Forest Biological Diversity of Bukit Bauk Forest in 2004 and 2006 respectively.

The Gunung Tebu area, located within the Gunung Tebu Forest Reserve was selected as the expedition site to explore its unique and wide diversity of flora and fauna found in the mountainous forest areas. Among the expedition objectives were to use the findings from the expedition to further enhance these attractions as local ecotourism site and to document the results of the exploration.

The expedition held from 8 to 13 July 2012 was attended by 145 participants who comprised of scientists, researchers and officers as well as staffs from:

- *Terengganu State Government;*
- *Forest Department Peninsular Malaysia Headquarters (FDPMHq);*
- *State Forestry Departments;*
- *National University of Malaysia (UKM);*
- *Putra University, Malaysia (UPM);*
- *University of Malaya (UM);*
- *University of Science, Malaysia (USM);*
- *MARA University of Technology (UiTM);*
- *University of Malaysia, Terengganu (UMT);*
- *Sultan Zainal Abidin University (UNISZA);*
- *Putrajaya Corporation Park and Landscaping Department;*
- *Remote Sensing Agency Malaysia (ARSM);*
- *Institute for Medical Research, Malaysia (IMR);*
- *World Wildlife Fund (WWF); and*
- *Folia Malaysiana Sdn. Bhd.*



Upacara menanam pokok sebagai tanda perasmian oleh YBhg. Dato' Toh Chin Yaw, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Perindustrian, Perdagangan dan Alam Sekitar, Terengganu
Tree planting ceremony as an official commemoration by YBhg. Dato' Toh Chin Yaw, Chairman of Industrial Development, Trade and Environment, Terengganu



Sesi bergambar beramai-ramai YBhg. Dato' Toh Chin Yaw bersama peserta ekspedisi
Photography session with YBhg. Dato' Toh Chin Yaw and the participants of the expedition



Sesi taklimat pembahagian kumpulan untuk ke tapak-tapak kajian
Briefing session to divide participants into groups before proceeding to the research sites



Pengecaman sampel air dijalankan di tapak kajian
Water sampling being conducted at the research site

Majlis perasmian ekspedisi ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Toh Chin Yaw, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Perindustrian, Perdagangan dan Alam Sekitar, negeri Terengganu pada 9 Julai 2012 di Hutan Lipur Lata Belatan, Terengganu yang juga turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) dan Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu.

Dalam ekspedisi ini beberapa penemuan fauna telah direkodkan yang diantaranya adalah tiga (3) spesies tikus, empat (4) spesies tupai, dua (2) spesies tupai pokok dan 142 individu kelawar dari famili Hipposideridae, Rhinolophidae dan Vespertilionidae serta rekod baru bagi katak dan cicak. Kawasan Gunung Tebu didapati mempunyai kepelbagaian biologi flora yang unik. Diantaranya penemuan spesies *Paphiopedilum barbatum (slipper orchid)* telah dijumpai di tapak perkhemahan dan sekitar kaki Gunung Tebu. Spesies ini juga telah direkodkan pada tahun 2009 semasa ekspedisi di kawasan Gunung Belumut, Johor. Keunikan spesies ini adalah kerana bentuknya yang menarik dan nilai estetik yang tinggi.

The launching ceremony of the expedition was officiated by YB Dato' Toh Chin Yaw, Chairman of Industrial Development, Trade and Environment, Terengganu on 9 July, 2012 at Lata Belatan Recreational Forest, Terengganu. The Deputy Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (Policy and Planning) and Terengganu State Forestry Director also attended the event.

During the expedition, several findings of fauna have been recorded and amongst them were three (3) species of mice, four (4) species of squirrels, two (2) species of tree squirrels and 142 individual bats from the Hipposideridae, Rhinolophidae and Vespertilionidae families as well as new recording of frogs and lizards. The Gunung Tebu area consists of a variety of unique and diverse flora. A species of slipper orchid (Paphiopedilum barbatum) was found at the camping site and surrounding the foot of Gunung Tebu. This species was last recorded in 2009 during the expedition in Gunung Belumut, Johor. The species is deemed unique due to its interesting shape and high aesthetic value.



Presbytis obscura (Spectacled Leaf Monkey)



Tupaia glis (Common Treeshrew)

Penemuan-penemuan semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Tebu akan dibentangkan di seminar ekspedisi dan diterbitkan dalam buku prosiding untuk rujukan masa kini dan hadapan.

All the findings recorded during the Scientific Expedition of Forest Biological Diversity of Gunung Tebu will then be presented at the expedition seminar and later published in a proceeding book for current and future reference.



Paphiopedilum barbatum (Slipper Orchid)

• ARTIKEL 3 •

Lawatan Delegasi ASEAN Environment Year (AEY) 2012 ke Taman Eko Rimba KL, Hutan Simpan Bukit Nanas

Visit by Delegates of the ASEAN Environment Year (AEY) 2012 to the KL Forest Eco-Park, Bukit Nanas Forest Reserve



Ketibaan delegasi AEY 2012 ke Taman Eko Rimba KL, Hutan Simpan Bukit Nanas
The arrival of the 2012 AEY delegation to the KL Forest Eco-Park, Bukit Nanas Forest Reserve



YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, KPPSM menyambut ketibaan delegasi AEY
YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, DGFPM receiving the delegates on their arrival

Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah bagi Majlis Pelancaran Sambutan ASEAN Environment Year (AEY) 2012. Sambutan ini diadakan setiap tiga (3) tahun di mana tuan rumah dipilih berdasarkan turutan abjad negara-negara ASEAN. Tema sambutan AEY kali ini adalah *"Environment Awareness Through Eco-Schools"* bertepatan dengan langkah Malaysia yang telah berjaya melaksanakan Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar.

Pada 18 Julai 2012, delegasi AEY 2012 telah melawat Taman Eko Rimba KL yang merupakan salah satu destinasi lawatan delegasi. Lawatan ini telah disertai oleh 150 orang peserta yang terdiri daripada Menteri, Timbalan Menteri dan ahli-ahli delegasi negara ASEAN. Ketibaan delegasi ini telah disambut oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Masran bin Md Salleh, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) dan wakil-wakil NRE.

Malaysia was chosen as the host for the Launching of the ASEAN Environmental Year (AEY) 2012 celebration. The event is celebrated once every three (3) years, where the host country is selected based on the alphabetical order of the ASEAN countries' list. The AEY theme for this year's celebration is "Environmental Awareness Through Eco-Schools" which is in line with Malaysia's successful efforts in implementing Eco-School Programme - Environment Award.

On 18 July 2012, the AEY 2102 delegates visited the KL Forest Eco Park, as one of the selected destinations in the itinerary. The delegates comprised of 150 participants consisting Ministers, Deputy Ministers and members of the ASEAN delegates. The arrival of the delegates was welcomed by YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (DGFPM) and also attended by YBhg. Dato' Masran bin Md Salleh, Deputy Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (Policy and Planning) and other NRE representatives.



YBhg. Dato' Prof. Dr. KPPSM sedang menyampaikan ucapan aluan ketibaan kepada delegasi AEY
YBhg. Dato' Prof. Dr. DGFPM delivering his welcoming remarks to the AEY delegates

Lawatan ini dimulai dengan taklimat mengenai pembangunan yang telah dan akan dijalankan di Taman Eko Rimba KL oleh KPPSM yang disusuli dengan sesi bergambar bersama Delegasi AEY. Acara diteruskan dengan sesi penanaman pokok spesies nadir oleh Menteri atau wakil negara-negara ASEAN yang hadir di kawasan Taman ASEAN. Ahli-ahli delegasi AEY 2012 seterusnya dibawa merentasi denai hutan bagi menikmati keindahan alam semulajadi di Taman Eko Rimba KL yang berakhir di Menara Kuala Lumpur.

Lawatan ini telah berjaya memberi pendedahan kepada ahli-ahli delegasi AEY 2012 mengenai pembangunan dan pengurusan eko-pelancongan hutan di kawasan Taman Eko Rimba KL serta penganjuran program / aktiviti yang melibatkan penyertaan aktif komuniti tempatan.

The visit began with a briefing by the DGFPM on the current and future development of the KL Forest Eco-Park, followed by a photography session with the AEY delegates. The programme continued with the planting of the rare fruit tree by the Minister or their representatives who were present at the ASEAN Park. The AEY 2012 delegates were then taken for a walk in one of the forest trails to experience the natural beauty of the KL Forest Eco-Park that ended at the foot of the Kuala Lumpur Tower.

The visit had successfully provided the AEY 2012 delegates with the exposure of the development and management of forest eco-tourism at the KL Forest Eco-Park as well as the organising of programmes/activities that involved active participation from the local communities



Delegasi AEY 2012 dibawa melawat ke kawasan Taman Eko Rimba KL
The 2012 AEY delegation are taken for guided tour at the KL Forest Eco-Park



YBhg. Dato' Masran bin Md. Salleh, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Perancangan) JPSM sedang menanam pokok di Taman ASEAN
YBhg. Dato' Masran bin Md. Salleh, Deputy Director-General (Policy & Planning) FDPM planting a tree at the ASEAN Park



Delegasi AEY 2012 dibawa menjamu selera di Restoran Berputar Menara Kuala Lumpur
The 2012 AEY delegation enjoying a their meals at the Kuala Lumpur Tower Revolving Restaurant

• ARTIKEL 4 •

Program Kerjasama Perhutanan ASEAN - Republik Korea

ASEAN and Republic of Korea Forest Cooperation Programme

Pada tahun 2012, Jabatan Perhutanan Semananjung Malaysia (JPSM) telah menerima dana kewangan sebanyak RM150,000 (USD50,000) dari Republik Korea melalui Korea Forest Service (KFS) Forestry Cooperation Program untuk melaksanakan program pembangunan sumber manusia bertajuk "Pembangunan Kapasiti Sumber Manusia Untuk Meningkatkan Pengurusan Mampan Di JPSM". Jangkamasa program ini adalah 12 bulan dan objektif projek ini adalah seperti berikut:

- Untuk mengukuhkan pembangunan sumber manusia di JPSM yang meliputi kakitangan pelbagai peringkat dan tahap kompetensi dalam bidang berkaitan dengan amalan pengurusan hutan secara mampan; dan
- Untuk melatih dan menggalakkan pengusaha hutan awam dan swasta untuk menjalankan operasi perhutanan mengikut amalan yang betul.

In 2012, Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) has received a contribution amounting to RM150,000 (USD50,000) from the Republic of Korea through the Korea Forest Service (KFS) Forestry Cooperation Programme to implement a human capital development programme called "Development of Human Resource Capacity to Increase Competency Management in FDPM". The duration of the project is 12 months and the objectives are as follows:

- *To strengthen human resource development for all FDPM's personnel regardless of level and competency related to the implementation of sustainable forest management; and*
- *To train and encourage public and private forest operators to undertake sound forestry operations.*



Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi & Teknikal) dan para delegasi sedang berbincang secara tidak rasmi dengan pegawai Perkhidmatan Perhutanan Korea

The Deputy Director-General of Forestry (Operations & Technical) and delegates having an informal discussion with an officer from the Korea Forest Service



Kem Kerja untuk para pegawai JPSM bagi menggubal Struktur Latihan Bermatrik
FDPM's Officers at the Work Camp on the Revision of the Matrix Training Structure



Sesi Kem Kerja untuk para pegawai JPSM bagi menggubal Modul dan Kursus-kursus Latihan Perhutanan
FDPM's Officers at the Work Camp Session on the Revision of Forestry Training Module and Courses



Wakil-wakil Delegasi ASEAN-ROK di Mesyuarat Tinjauan Projek
Representatives from the ASEAN-ROK Delegates at the Project Review Meeting



Sesi taklimat di Jabatan Pemuliharaan Semulajadi di Seoul
Briefing at the Department of Natural Conservation in Seoul

Antara aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan di bawah program ini adalah:

- Menggubal Dasar Latihan Sumber Manusia JPSM;
- Menggubal modul dan kurikulum kursus/latihan yang meliputi kakitangan semua pangkat dan tahap kecekapan, termasuk operator hutan (awam dan swasta);
- Menggubal dan mewujudkan Struktur Latihan Bermatrik untuk semua kakitangan perhutanan merangkumi kakitangan semua peringkat dan tahap kecekapan; dan
- Lawatan Teknikal dalam bidang perhutanan ke Republik Korea.

Among the activities planned and implemented under this project are:

- *Establishing FDPM Human Resource Training Policy;*
- *Forming course/training module and curriculum involving all personnel irrespective of position and level of proficiency including forest operators (public and private);*
- *Forming and establishing a Matrix Training Structure for all forestry personnel at all positions and levels proficiency; and*
- *Technical Visit related to the forestry sector to the Republic of Korea.*



Gambar berkumpulan bersama para pegawai daripada Agensi Promosi Hijau Korea
Group photograph with officers from the Korea Green Promotion Agency

Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab mentadbir, memelihara, membangun dan mengurus sumber hutan di negara ini secara mampan, maka JPSM perlu sentiasa bergerak seiring dengan kehendak dan permintaan umum yang sentiasa berubah terutama dari hasil keluaran hutan dan juga sumbangan sosial. Menyedari hakikat ini, maka di bawah program kerjasama ini salah satu aspek yang telah diberi perhatian adalah untuk memrumuskan Polisi Latihan Sumber Manusia (Human Resource Training Policy) selaras dengan kenyataan dalam Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang antara lainnya menyatakan "Program latihan secara komprehensif perlu dilaksanakan di semua peringkat untuk sektor awam dan swasta bagi memastikan jumlah tenaga kerja yang mencukupi bagi memenuhi keperluan sektor perhutanan dan juga industri berasaskan kayu".

As an agency responsible to administer, conserve, develop and manage the forest resources of the country sustainably, FDPM has to work in accordance with the changing public needs and demands especially those forest based products and social contributions. Realising this fact, thus in this cooperation programme, one of the aspect highlighted is to formulate the Human Resource Training Policy in line with the National Forestry Policy (1992 Amendment) stating, "A comprehensive training programme must be implemented for the public and private sectors at all levels to ensure sufficient work force so as to fulfill the requirement of the forestry sector and timber based industries."



Sesi taklimat mengenai pengurusan Hutan Sogwang-ri
Briefing on the management of Sogwang-ri Forest

Selain itu, satu lawatan teknikal telah diadakan ke Korea Selatan pada 7-13 April 2012. Tujuan lawatan ini adalah bagi mempelajari dan melihat sendiri sektor perhutanan di Korea yang menjadi tarikan pelancongan dan rekreasi. Sungguhpun demikian, sumber kayu masih diperolehi daripada pembangunan hutan ladang yang diuruskan secara moden dengan teknologi terkini terutama dari segi pemilihan baka, pembaikbiakan dan penyimpanan anak benih Korean Pine (Pinus koraiensis) yang dipilih untuk ditanam. Selain itu, sektor perhutanan di Korea memberi penekanan yang serius terhadap ancaman bencana kebakaran hutan. Ini kerana dirian hutannya terdiri daripada beberapa spesies sahaja dan apabila kebakaran berlaku maka api mudah merebak terutama pada musim panas.

Semua aktiviti telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut perlaksanaan perjanjian. Di samping laporan akhir projek, empat dokumen telah berjaya diterbitkan. Dokumen-dokumen tersebut adalah seperti berikut:-

- Laporan Lawatan Teknikal ke Republik Korea;
- Perumusan Dasar Pembangunan Sumber Manusia;
- Penggubalan Kurikulum Latihan / Kursus; dan
- Struktur Latihan Bermatrik untuk kakitangan Perhutanan semua peringkat dan jawatan

Semua dokumen ini diterbitkan dalam dua (2) bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, kecuali Laporan Lawatan Teknikal.

Besides this, a technical visit to North Korea on the 7 -13 April 2012 was also conducted. The purpose of the visit is to learn and observe how the Koreans developed the forestry sector as a tourist attraction and for recreation. Although, timber supplies are still harvested from the development of forest plantation managed using the modern and state-of-the-art technological methods right from the selection of seedling, germination and storage of the Korean Pine (Pinus koraiensis) seedlings chosen for planting. Beside this, the forestry sector in Korea also emphasises on the hazards of forest fire. This is because the Korean forest only consists of several species and in the event of forest fire, the fire will spread very rapidly especially during summer.

All these activities were completed within the stipulated time frame and in accordance with the agreement. Besides the final report, four (4) documents have successfully been published. These documents were;

- *Technical Visit to Republic of Korea Report;*
- *Human Resource Development Policy Summary;*
- *Formulation of the Training Course Curriculum; and*
- *Matrix Training Structure for forestry personnel at all levels and positions.*

All documents were published in two (2) languages, Bahasa Melayu and English except for the Technical Visit Report.



Memangkas menggunakan mesin ringan di Hutan Sogwang-ri (Hutan Ladang)
Thinning using a light machinery in Sogwang-ri Forest (Plantation Forest)



Profil Jabatan Perhutanan Negeri

State Forestry Department's Profile



Semenanjung Malaysia



Peninsular Malaysia



JOHOR

Alamat / *Address* : Jabatan Perhutanan Negeri Johor,
Aras 2, Sayap Timur,
Bangunan C25, Kota Iskandar,
79660 Nusajaya, Johor

No. Tel. / *Tel. No.* : 07-266 7433
No. Faks / *Faxs No.* : 07-266 1288
Pengarah / *Director* : Yahaya bin Mohamood
E-Mel / *Email* : yahaya@forestry.gov.my
Laman Web / *Website* : www.forestry.gov.my/johor/

Ibu Negeri / *State Capital* **JOHOR BAHRU**

Bil / *No*	Tajuk / *Title*	Jumlah / *Total*
1	Penduduk (juta)(2010)*/ *Population (million)*	1.54
2	Keluasan Tanah (ha) / *Land Area*	1,901,600
3	Tanah Berhutan (ha) / *Forested Land*	466,792
4	Tanah Tidak Berhutan (ha) / *Non-forested Land*	1,434,808
5	Sumber Hutan / *Forested Resources*	
	a. Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest (ha)*	432,208
	b. Ladang Hutan / *Forest Plantations (ha)* **	45,544
	c. Tanah Kerajaan / *Stateland (ha)*	29,375
	d. Taman Hidupan Liar / *Wildlife Reserve (ha)*	325
	e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha) *** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	2,940
	f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan (ha) + *Area opened for logging*	617
	g. Pengeluaran / *Production*	
	• Kayu Balak / *Logs (m³)*	50,951
	• Hasil Hutan Lain / *Other Forest Products (RM)*	1,256,479
6	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a. Bilangan / *Number*	
	• Kilang Papan / *Sawmills*	75
	• Kilang Papan Lapis / Venir / *Plywood / Veneer Mills*	10
	• Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	14
	b. Penggunaan Kayu Balak / *Consumption of Logs (m³)*	
	• Kilang Papan / *Sawmills*	626,786
	• Kilang Papan Lapis / Venir / *Plywood / Veneer Mills*	10,651
	c. Pengeluaran/ *Production (m³)*	
	• Kayu Gergaji / *Sawn Timber*	418,005
	• Papan Lapis / *Plywood*	-
	• Kayu Kumai / *Mouldings*	1,058
	d. Bilangan Pekerja / *Number of Workers*	3,321

Nota/*Note*

* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*
** - Termasuk Ladang- ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara / *As stipulated by the National Forestry Council*
\+ - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land



KEDAH

Alamat / *Address* : **Jabatan Perhutanan Negeri Kedah**
Tingkat 8, Bangunan Sultan Abd. Halim
Bangunan C25, Kota Iskandar
Jalan Sultan Badlishah
05000 Alor Setar, Kedah

No. Tel. / *Tel. No.* : **04-733 3844/ 04-733 3901**
No. Faks / *Faxs No.* : **04-731 0610**
Pengarah / *Director* : **Ku Azmi bin Ku Aman**
E-Mel / *Email* : **ykuazmi@forestry.gov.my**
Laman Web / *Website* : **www.kedforestry.gov.my**

Ibu Negeri / *State Capital* **ALOR SETAR**

Bil / *No*	Tajuk / *Title*	Jumlah / *Total*
1	Penduduk (juta)(2010)*/ *Population (million)*	1.95
2	Keluasan Tanah (ha) / *Land Area*	942,500
3	Tanah Berhutan (ha) / *Forested Land*	327,721
4	Tanah Tidak Berhutan (ha) / *Non-forested Land*	614,779
5	Sumber Hutan / *Forested Resources*	
	a. Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest (ha)*	325,463
	b. Ladang Hutan / *Forest Plantations (ha)* **	3,100
	c. Tanah Kerajaan / *Stateland (ha)*	2,258
	d. Taman Hidupan Liar / *Wildlife Reserve (ha)*	-
	e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha) *** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	2,850
	f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan (ha) + *Area opened for logging*	1,800
	g. Pengeluaran / *Production*	
	• Kayu Balak / *Logs (m^3)*	304,078
	• Hasil Hutan Lain / *Other Forest Products (RM)*	287,334
6	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a. Bilangan / *Number*	
	• Kilang Papan / *Sawmills*	33
	• Kilang Papan Lapis / Venir / *Plywood / Veneer Mills*	3
	• Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	12
	b. Penggunaan Kayu Balak / *Consumption of Logs (m^3)*	
	• Kilang Papan / *Sawmills*	103,506
	• Kilang Papan Lapis / Venir / *Plywood / Veneer Mills*	153,047
	c. Pengeluaran/ *Production (m^3)*	
	• Kayu Gergaji / *Sawn Timber*	67,340
	• Papan Lapis / *Plywood*	113,454
	• Kayu Kumai / *Mouldings*	972
	d. Bilangan Pekerja / *Number of Workers*	1,928

Nota/*Note*

* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*
** - Termasuk Ladang- ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara / *As stipulated by the National Forestry Council*
\+ - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land



KELANTAN

Alamat / *Address* : Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
Blok 5, Tingkat 1
Kota Darul Naim
15503 Kota Bharu, Kelantan

No. Tel. / *Tel. No.* : 09-748 2140 / 09-748 1957
No. Faks / *Faxs No.* : 09-744 5675
Pengarah / *Director* : Shashiah Bt. Abdul Karim
E-Mel / *Email* : shashiah@forestry.gov.my
Laman Web / *Website* : www.jpnk.kelantan.gov.my

Ibu Negeri / *State Capital* **KOTA BHARU**

Bil / *No*	Tajuk / *Title*	Jumlah / *Total*
1	Penduduk (juta)(2010)*/ *Population (million)*	1.54
2	Keluasan Tanah (ha) / *Land Area*	1,510,500
3	Tanah Berhutan (ha) / *Forested Land*	812,196
4	Tanah Tidak Berhutan (ha) / *Non-forested Land*	698,304
5	Sumber Hutan / *Forested Resources*	
	a. Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest (ha)*	623,849
	b. Ladang Hutan / *Forest Plantations (ha)* **	104,514
	c. Tanah Kerajaan / *Stateland (ha)*	85,265
	d. Taman Hidupan Liar / *Wildlife Reserve (ha)*	103,082
	e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha) *** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	5,910
	f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan (ha) + *Area opened for logging*	5,903
	g. Pengeluaran / *Production*	
	• Kayu Balak / *Logs (m³)*	1,111,040
	• Hasil Hutan Lain / *Other Forest Products (RM)*	-
6	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a. Bilangan / *Number*	
	• Kilang Papan / *Sawmills*	64
	• Kilang Papan Lapis / Venir / *Plywood / Veneer Mills*	6
	• Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	7
	b. Penggunaan Kayu Balak / *Consumption of Logs (m³)*	
	• Kilang Papan / *Sawmills*	1,532,871
	• Kilang Papan Lapis / Venir / *Plywood / Veneer Mills*	95,294
	c. Pengeluaran/ *Production (m³)*	
	• Kayu Gergaji / *Sawn Timber*	542,982
	• Papan Lapis / *Plywood*	24,040
	• Kayu Kumai / *Mouldings*	8,483
	d. Bilangan Pekerja / *Number of Workers*	4,259

Nota/*Note*
* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*
** - Termasuk Ladang- ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara / *As stipulated by the National Forestry Council*
\+ - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land



MELAKA

Alamat / *Address* : **Pejabat Perhutanan Negeri Melaka**
75450 Ayer Keroh
Melaka

No. Tel. / *Tel. No.* : **06-231 6095**
No. Faks / *Faxs No.* : **06-232 2867**
Pengarah / *Director* : **Wan Yusof bin Wan Karim**
E-Mel / *Email* : **wyusof@melaka.gov.my**
Laman Web / *Website* : **www.forestry.gov.my/melaka**

Ibu Negeri / *State Capital* **MELAKA**

Bil / *No*	Tajuk / *Title*	Jumlah / *Total*
1	Penduduk (juta)(2010)*/ *Population (million)*	0.82
2	Keluasan Tanah (ha) / *Land Area*	165,200
3	Tanah Berhutan (ha) / *Forested Land*	5,399
4	Tanah Tidak Berhutan (ha) / *Non-forested Land*	159,801
5	Sumber Hutan / *Forested Resources*	
	a. Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest (ha)*	5,151
	b. Ladang Hutan / *Forest Plantations (ha)* **	36
	c. Tanah Kerajaan / *Stateland (ha)*	228
	d. Taman Hidupan Liar / *Wildlife Reserve (ha)*	20
	e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha) *** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	40
	f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan (ha) + *Area opened for logging*	-
	g. Pengeluaran / *Production*	
	• Kayu Balak / *Logs (m^3)*	-
	• Hasil Hutan Lain / *Other Forest Products (RM)*	485,952
6	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a. Bilangan / *Number*	22
	• Kilang Papan / *Sawmills*	1
	• Kilang Papan Lapis / Venir / *Plywood / Veneer Mills*	-
	• Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	
	b. Penggunaan Kayu Balak / *Consumption of Logs (m^3)*	
	• Kilang Papan / *Sawmills*	58,638
	• Kilang Papan Lapis / Venir / *Plywood / Veneer Mills*	-
	c. Pengeluaran/ *Production (m^3)*	
	• Kayu Gergaji / *Sawn Timber*	31,987
	• Papan Lapis / *Plywood*	-
	• Kayu Kumai / *Mouldings*	-
	d. Bilangan Pekerja / *Number of Workers*	434

Nota/*Note*

* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*
** - Termasuk Ladang- ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations
*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara / *As stipulated by the National Forestry Council*
\+ - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik
Includes Permanent Reserved Forest, Stateland and Alienated Land



NEGERI SEMBILAN

Alamat / *Address* : **Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan**
Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri
70503 Seremban, Negeri Sembilan

No. Tel. / *Tel. No.* : **06-765 9849**
No. Faks / *Faxs No.* : **06-762 3711**
Pengarah / *Director* : **Ahmad Fadzil bin Abd Majid**
E-Mel / *Email* : **fadzil@forestry.gov.my**
Laman Web / *Website* : **www.forestry.gov.my/negerisembilan/**

Ibu Negeri / *State Capital* **SEREMBAN**

Bil / *No*	Tajuk / *Title*	Jumlah / *Total*
1	Penduduk (juta)(2010)*/ *Population (million)*	1.02
2	Keluasan Tanah (ha) / *Land Area*	665,709
3	Tanah Berhutan (ha) / *Forested Land*	158,417
4	Tanah Tidak Berhutan (ha) / *Non-forested Land*	507,292
5	Sumber Hutan / *Forested Resources*	
	a. Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest (ha)*	154,578
	b. Ladang Hutan / *Forest Plantations (ha)* **	3,000
	c. Tanah Kerajaan / *Stateland (ha)*	3,815
	d. Taman Hidupan Liar / *Wildlife Reserve (ha)*	24
	e. Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha) *** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	2,251
	f. Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan (ha) + *Area opened for logging*	604
	g. Pengeluaran / *Production*	
	• Kayu Balak / *Logs (m³)*	112,661
	• Hasil Hutan Lain / *Other Forest Products (RM)*	-
6	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a. Bilangan / *Number*	
	• Kilang Papan / *Sawmills*	45
	• Kilang Papan Lapis / Venir / *Plywood / Veneer Mills*	4
	• Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	18
